



SEORANG wanita membantu seorang wanita lain mengemaskan telepok dalam kemeriahan program Perpatih Fest di Dataran Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

## Telepok 'tak lapuk dek zaman' di era milenium

**S**UDAH manis bertambah manis lagi apabila melihat anak gadis dan wanita semakin selesa menggayakan telepok di mana-mana majlis rasmi serta keramaian di Negeri Sembilan ini. Bahkan, tidak terlalu berlebihan jika dikatakan telepok di era milenium ini tak lapuk dek zaman. Antara yang kerap membawa imej telepok sejak lebih tiga tahun lalu ialah penyampai radio dan pengacara popular di negeri ini, Nen Tebabo. Jika diteliti, trend pemakaian telepok berkenaan bukan hanya melambangkan keunikan amalan Adat Perpatih di negeri ini, bahkan mendekatkan lagi generasi muda dengan warisan orang Minangkabau dari Sumatera sejak ratusan tahun lalu.

Menyedari kepentingan memartabatkan pengamalan Adat Perpatih termasuk pemakaian tradisional, kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya mencipta rekod dalam *Malaysia Book of Records (MBOR)* apabila mengumpulkan seramai 1,002 wanita memakai telepok iaitu paling ramai setakat ini.

Kejayaan itu dicapai menerusi salah satu acara bersempena Program Perpatih Fest 2024 selama lapan hari di Dataran Nilai baru-baru ini.

Menurut Kurator, Bahagian Antikuiti, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Rosrita Mohamad Nordin, telepok merupakan hiasan kepala yang sering digunakan semasa menjalankan aktiviti harian di rumah atau ketika berkebun dan bersawah di bendang.

"Pemakaian telepok ini bertujuan melindungi kepala daripada pancaran terik matahari semasa berkebun atau bersawah," katanya kepada *Panorama*.

Malah ujarnya, pemakaian telepok kini boleh dipelbagaikan dalam majlis sambutan adat atau majlis keramaian dan tidak terhad semasa berkebun.

**IBU Soko Suku Biduanda Luak Ulu Muar, Normaintan menunjukkan dua jenis kain iaitu kain batik dan kain songket yang boleh dipakai sebagai telepok.**



Oleh  
**NOR AINNA  
HAMZAH**

### EKSTRA TELEPOK

- Hiasan kepala wanita dalam Adat Perpatih dengan menggunakan kain
- Pada zaman dahulu, pemakaiannya adalah sebagai penutup kepala untuk melindungi terik mentari semasa berkebun atau bersawah
- Pemakaiannya tidak sukar tanpa menggunakan sebarang pin atau jarum

"Pada awal penciptaan telepok hanya menggunakan kain batik, selari dengan peredaran zaman, telepok kini boleh digunakan dengan kain songket untuk digunakan semasa majlis keramaian atau untuk acara sambutan dalam majlis rasmi kerajaan," katanya.

Menurutnya, dalam usaha untuk melestarikan pemakaian telepok, Lembaga Muzium Negeri Sembilan sentiasa menjalankan pelbagai program dan aktiviti.

"Antara usaha Lembaga Muzium Negeri Sembilan ialah membuat rancangan bual bicara bersama pelajar-pelajar di sekolah dan demonstrasi pemakaian telepok, selain cipta rekod MBOR Pemakaian Telepok Paling Ramai sebanyak 1,002 orang pada 29 Julai lalu.

"Selain itu, demonstrasi pemakaian telepok juga diadakan semasa mengadakan pameran-pameran bergerak," katanya.

Bahkan kongsi Rosrita, Lembaga Muzium Negeri Sembilan telah menerbitkan satu video tatacara pemakaian telepok untuk menjadi bahan rujukan pemakaian telepok.

"Video ini dapat dilihat di laman Facebook Rasmi Lembaga Muzium Negeri Sembilan," katanya.

Sementara itu, bagi Ibu Soko Suku Biduanda Luak Ulu Muar, Normaintan Ujang, 68, berkata, usaha kerajaan negeri dalam penganjuran Perpatih Fest itu secara tidak langsung sangat membantu dalam menjadikan pemakaian tradisional adat di negeri ini semakin dikenali ramai.

Menurut pesara jururawat itu, telepok menjadi salah satu pakaian rasmi yang dipakai oleh Ibu Soko sepertinya iaitu gelaran adat bagi wanita atau perempuan yang akan dijadikan rujukan berkaitan adat.

"Telepok ini merupakan pakaian tradisi orang dulu-dulu untuk dijadikan sebagai penutup kepala. Orang zaman dahulu tak pakai tudung jadi penggunaan telepok ini sebagai perlindungan di kepala mereka.

"Kini kerajaan negeri telah



**Pada awal penciptaan telepok hanya menggunakan kain batik, selari dengan peredaran zaman, telepok kini boleh digunakan dengan kain songket untuk digunakan semasa majlis keramaian atau untuk acara sambutan dalam majlis rasmi kerajaan"**

**ROSRITA**

**SEBAHAGIAN peserta wanita yang memakai telepok menunjukkan pengiktirafan MBOR bagi acara tersebut.**

mengambil pendekatan untuk memartabatkan pemakaian tradisi adat perpatih dan sebagai Ibu Soko, tentunya saya sangat teruja melihat banyak wanita termasuk pelajar sekolah mula mengenakan telepok dalam majlis kerajaan di negeri ini.

Menurutnya yang mula memegang amanah sebagai Ibu Soko kira-kira 20 tahun lalu, minat memakai telepok juga kini bukan hanya dalam kalangan masyarakat Melayu, masyarakat bukan Melayu seperti Cina dan India juga berminat memakai telepok.

"Kita pun tak ada masalah untuk ajar mereka pakai telepok kerana pemakaiannya amat mudah. Hanya perlu kain batik atau songket, tanpa perlu guna sebarang jarum atau pin.

"Kain kemudian perlu dilipat dua sama saiznya dan pemakainya perlu menunduk sedikit untuk meletakkan kain di kepala," katanya.

Menurutnya, pemakaian telepok paling baik ialah dengan mengambil kira kedudukan kening dengan kain berkenaan diangkat ke belakang betul-betul di atas kening.

Menurutnya yang dikenali sebagai Ibu Soko Kak Ngah, terdapat perbezaan pemakaian telepok orang dahulu untuk turun ke sawah dengan telepok yang telah dimodenkan.

Sambil menunjukkan pemakaian telepok ke sawah, beliau menunjukkan telepok tersebut kelihatan lebih kembang serta mempunyai jantainya kain di belakang.

Berbanding pemakaian telepok yang telah dimodenkan, ia diikat di bahagian dalam supaya lebih tegap dan diselitkan lebih kain serta kelihatan lebih kemas di bahagian belakang.

Menurutnya, sekiranya semua pihak dapat memperkenalkan pemakaian telepok berkenaan termasuk di sekolah, tentunya generasi muda akan mahir dengan pemakaian tradisi tersebut.

"Bagi saya, melihat telepok ini diiktiraf sudah sangat mengujakan, apatah lagi lihat orang ramai gembira dan cantik memakainya," katanya.



**ANAK muda juga kini semakin meminati pemakaian telepok.**

## Memartabatkan pengamalan adat

KERAJAAN negeri melalui Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) telah menganjurkan Perpatih Fest sejak tahun lalu dan disenaraikan dalam kalendar pelancongan bagi memartabatkan lagi pengamalan Adat Perpatih khususnya generasi muda di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Nekologi, Datuk Mohd. Faizal Ramli berkata, malah kerajaan negeri telah menyalurkan dana sebanyak RM500,000 bermula pada tahun 2019 untuk tujuan memperkasa adat ini melalui LMNS.

Menurutnya, dana tersebut digunakan untuk Luak Luak beradat menjalankan program dan aktiviti berkaitan dengan adat Perpatih berdasarkan kepada empat teras utama iaitu kepimpinan, persepadaan, olek dan keihuman.

"Sehingga kini, sebanyak 300 program telah pun dilaksanakan. Bagi di peringkat sekolah pula, sebanyak 18 kelab Adat Perpatih telah ditubuhkan di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

"Majlis Pelancaran telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Muhammad di Kuala Pilah pada tahun 2019 dan SMK Tunku Besar Bohanuddin di Seri Menanti pada tahun 2020.

"Tujuan utama kelab ini ditubuhkan adalah untuk menarik minat pelajar sekolah mengenali adat Perpatih dengan lebih dekat melalui program yang telah dijalankan," katanya kepada *Panorama*.

Ketika ditanya mengenai cabaran memartabatkan adat Perpatih, beliau berkata tidak ramai masyarakat di negeri ini yang mengetahui adat tersebut walaupun mereka sendiri berasal dari Negeri Sembilan.

"Kebanjiran media sosial seperti Tiktok, Facebook, Instagram, Twitter dan bermacam lagi menjadikan mereka semakin jauh daripada Adat Perpatih sedangkan mereka adalah pewaris masa depan.

"Ini menjadikan cabaran utama dalam menjadikan adat Perpatih sebagai kebanggaan di negeri ini kerana satu-satunya negeri yang mengamalkan Adat Perpatih di negara ini hanyalah terdapat di Negeri Sembilan," katanya.

Menurutnya lagi, Adat Perpatih itu sebenarnya telah lama diamalkan di negeri ini sejak ratusan tahun lalu serta diibaratkan seperti permata yang amat bernilai dan tinggi harganya.



**MOHD. FAIZAL**



**Cabutan Bertuah Pemakaian Telepok Paling Ramai**